

Anak peneroka OKU terima Anugerah Pelajaran Diraja

Oleh [Latifah Arifin](#) - November 25, 2023 @ 3:48pm
latifah@bh.com.my



Penerima Anugerah Pelajaran Diraja, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), Mashitah Ab Razak (kiri), dan graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera Pengajian Asia Tenggara, Ilavarasan Tamilchelvan pada Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya Ke-63 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

- Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: "Ayah adalah penguat semangat untuk kejayaan saya hari ini. Walaupun ayah orang kurang upaya (OKU) dan hanya dapat melihat dengan sebelah mata, hasil titik peluh sebagai peneroka yang membawa saya hingga ke menara gading,"

Demikian dinyatakan anak jati Gemencheh, Negeri Sembilan, T Ilavarasan, 24, yang dinobatkan seorang daripada penerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Istiadat

Konvokesyen Universiti Malaya Ke-63 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, di sini, hari ini.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains itu berkata, anugerah khas berkenaan didedikasikan untuk ibu bapanya yang banyak berkorban masa, tenaga dan wang ringgit demi kejayaan dikecapinya itu.

"Ayah saya hanya seorang peneroka yang mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit di Felda Bukit Rokan.... kehidupan kami sebagai kelompok B40 adalah sederhana tetapi cukuplah untuk menampung keperluan sehari-hari.

"Jadi, ini antara inspirasi untuk saya belajar bersungguh-sungguh, malah dalam kepayahan ayah yang sukar melihat, dia tetap usahakan ladang getah semata-mata untuk pastikan saya yang juga anak tunggal dalam keluarga kecil kami dapat menghabiskan pengajian," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah yang juga Canselor UM berkenan menyampaikan anugerah berkenaan pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen Ke-63, UM, hari ini.

Ilavarasan berkata, beliau membuat permohonan bagi menyambung pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD) secara pantas atau 'fast track'.

"Ini antara impian saya, untuk menggenggam segulung PhD. Anugerah Pelajaran Diraja ini tentunya mendorong saya untuk terus belajar dengan lebih baik pada masa depan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penerima anugerah itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan/Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Mashitah Ab Razak, 24, berkata rahsia kejayaannya adalah sentiasa fokus dan tidak mudah putus asa walaupun diuji dengan pelbagai konflik hidup.

"Ayah ibu bercerai sejak saya berumur 13 tahun. Saya pula anak tunggal yang tidak ada adik beradik lain untuk curahkan masalah dan sebagainya. Tetapi itu tidak menjadikan saya patah semangat, sebaliknya menjadikan motivasi untuk belajar lebih bersungguh-sungguh.

"Walaupun tak seperti remaja lain yang ada ibu dan bapa bersama, saya tidak lihat itu satu kekurangan. Malah, masa senggang yang ada saya gunakan untuk bekerja secara dalam talian sepanjang pengajian.

"Daripada situ, dapat juga wang saku, malah masa juga lebih terisi dengan perkara yang bermanfaat," katanya.

Graduan dari Ulu Tiram, Johor itu berkata, beliau juga dalam perancangan untuk melanjutkan pengajian PhD secara separuh masa dan impiannya adalah membuat kajian mengenai teknik pengajaran bahasa Inggeris melalui media sosial.

Mashitah dan Ilavarasan masing-masing menerima Pingat Jaya Cemerlang, sijil dan wang tunai berjumlah RM7,500 daripada Lembaga Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri.